



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ قِيرَاقْ دَارُ الرِّضْوَانِ

JABATAN MUFTI NEGERI,
PERAK DARUL RIDZUAN,
TINGKAT 5, KOMPLEKS ISLAM,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

Mafti : 05-2424120
Pej. Am : 05-2545332
Faks : 05-2419694
Laman Web : <http://mufti.perak.gov.my>

Ruj. Kami: MN.Pk.A351/IST/1/7 JLD.4 (102)
Tarikh : 5 Safar 1445H
22 Ogos 2023M

SENARAI SEPERTI DI EDARAN

Tuan,

KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK: KEDUDUKAN AJARAN NUR HISHAM BIN ALIAS (ALLAH MUHAMMAD MUHAMMAD ALLAH {AMMA} DI MANJUNG NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Dengan segala hormat dan takzimnya didoakan semoga pihak Tuan dalam peliharaan Allah S.W.T. dan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama surat ini, dilampirkan fatwa mengenai Kedudukan Ajaran Nur Hisham bin Alias (Allah Muhammad Muhammad Allah {Amma} di Manjung Negeri Perak Darul Ridzuan untuk makluman dan tindakan selanjutnya.

Perhatian dan kerjasama daripada pihak Tuan amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI WAN ZAHIDI BIN WAN TEH)
Mufti Negeri,
Perak Darul Ridzuan.

SENARAI EDARAN

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Mualim
Jalan Rumah Rehat
35800 Mualim, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Tapah
Jalan Raja
35000 Tapah, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Gerik
Bangunan Mahkamah Syariah Jalan Intan
33300 Gerik, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Manjung
Kompleks Pentadbiran Daerah
32040 Seri Manjung, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Ipoh
Jalan Khoo Chong Kong
30000 Ipoh, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Parit Buntar
Jkr 1540n, Jalan Persiaran Permai,
Taman Kerian Permai,
34200 Parit Buntar, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Bagan
Serai
Jalan Matang Buluh
34300 Bagan Serai, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Batu
Gajah
No 20 Jalan Haji Abdul Wahab
31000 Batu Gajah, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Kangsar
Jalan Raja Chulan
33000 Kuala Kangsar, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Selama
Jalan Menteri
34100 Selama, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Taiping
Kompleks Pejabat Agama Dan Mahkamah Syariah
Jalan Muzium, 34000 Taiping, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Teluk Intan
Kompleks Pentadbiran Agama Islam Hilir Perak
Jalan Raja Muda Musa
36000 Teluk Intan, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah
Lenggong
Jalan Alang Iskandar
33400 Lenggong, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Daerah Pengkalan Hulu
Jalan Tasek
33100 Pengkalan Hulu, Perak

LAMPIRAN

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Kampong Gajah
Jalan Tanjung Tualang
36800 Kampong Gajah, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Seri Iskandar
Tingkat 2, Kompleks Pentadbiran Daerah Seri Iskandar
Perak Tengah, Seri Iskandar
32610 Seri Iskandar, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Kampar
No. 5, Jalan Kampar Permai
31900 Kampar, Perak

PEGAWAI TADBIR AGAMA

Pejabat Agama Islam Daerah Bagan Datuk
No 81, Pekan Selekok
36200 Selekok
Bagan Datuk, Perak

FATWA BIL. 37
KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

**KEDUDUKAN AJARAN NUR HISHAM BIN ALIAS
(ALLAH MUHAMMAD MUHAMMAD ALLAH {AMMA})
DI MANJUNG NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke-231 yang bersidang pada tarikh 12 April 2023M bersamaan 21 Ramadan 1444H telah memperaku dan menerima keputusan bahawa Ajaran Noor Hisham Bin Alias (Allah Muhammad Muhammad Allah (AMMA) Di Manjung Negeri Perak Darul Ridzuan) adalah **MENYELEWENG DAN BERCAANGGAH DENGAN SYARAK**.

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, maka Jawatankuasa Fatwa mendapati bahawa Ajaran Noor Hisham bin Alias (Allah Muhammad Muhammad Allah (Amma) mengandungi beberapa elemen antaranya seperti berikut:
 - (a) Menterjemah Kalimah Syahadah dengan "Tiada Nyata Hanya Allah" tanpa penjelasan yang sebenar;
 - (b) Mendakwa ajaran Islam yang sebenar telah diselewengkan pada tahun 850 masehi;
 - (c) Berpandangan ayat-ayat Al-Quran mungkin tersalah ketika menulis kerana ia ditulis pada kulit-kulit dan tulang-tulang binatang pada ketika itu;
 - (d) Mendakwa terdapat dua Al-Quran iaitu Al-Quran hidup yang ditafsir sebagai alam mini yang berada dalam diri manusia dan Al-Quran Mashaf;
 - (e) Berhujah jika Al-Quran yang ada sekarang sangat penting, sudah tentu ia ditulis dan dibukukan oleh Nabi;
 - (f) Mendakwa bahawa Nabi tidak dilantik menjadi Rasul, walhal Baginda telah telah tahu kewujudan Allah ketika dibersihkan hatinya di zaman kanak-kanak kerana Baginda hanya tahu dan belum mengenal Allah. (Kombinasi TAHU dan KENAL).
 - (g) Menimbulkan persoalan adakah Nabi lembab kerana tidak mampu membaca dan menulis pada usia 40 tahun?

2. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak memutuskan bahawa ajaran Noor Hisham bin Alias (Allah Muhammad Muhammad Allah (AMMA)) adalah menyeleweng dan bercanggah dengan Syarak berdasarkan pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak;
3. Justeru, orang Islam hendaklah menjauhi ajaran Noor Hisham bin Alias (Allah Muhammad Muhammad Allah (AMMA)) dan dilarang berpegang serta beramal dengannya. Mana-mana orang yang telah terlibat dengan pegangan dan pengamalan ajaran ini hendaklah bertaubat kepada Allah SWT;
4. Semua bentuk pengajaran, pengamalan, penerbitan, promosi, pegedaran bahan-bahan ajaran Noor Hisham Bin Alias (Allah Muhammad Muhammad Allah (AMMA)) melalui apa-apa medium hendaklah disekat, dihenti dan diharamkan serta merta.

Tarikh: 21 Ogos 2023 / 4 Safar 1445H

No fail : MN.PK.A351.IST/05/9 JLD 9

Status Fatwa: Tidak diwartakan



Sahibus Samahah Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan